

10 MAR 2000

Sanggang-Umno

MESYUARAT UMNO BAHAGIAN DI PAHANG MUNGKIN DITANGGUH

KUANTAN, 10 Mac (Bernama) -- Mesyuarat beberapa Umno bahagian di Pahang mungkin terpaksa ditangguhkan sehingga bulan depan berikutan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) kawasan Sanggang yang dijadualkan 1 April ini.

Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini berkata beliau dimaklumkan mengenai perkara itu menerusi panggilan telefon oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang menjalankan tugas timbalan presiden Umno semalam.

Semasa ditemui pemberita selepas merasmikan bangunan National Panasonic cawangan Kuantan di sini, beliau berkata, keputusan mengenai penangguhan itu tertakluk kepada pertemuan beliau dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pukul 3 petang ini.

Mesyuarat Umno bahagian-bahagian di Pahang akan bermula 18 Mac ini bagi bahagian Rompin, diikuti dengan bahagian Mentakab dan Kuantan pada 19 Mac.

Lapan bahagian lagi yang akan mengadakan mesyuarat pada 26 Mac ialah Lipis, Pekan, Raub, Temerloh, Maran, Paya Besar, Bentong dan Jerantut.

Mengenai senarai calon Barisan Nasional (BN) bagi pilihan raya kecil itu, beliau berkata Ketua Umno Bahagian Mentakab Datuk Bahari Tan Sri Yahaya telah menyerahkan senarai yang mengandungi kira-kira sembilan nama kepadanya pagi ini.

Katanya, senarai itu akan diserahkan kepada Dr Mahathir petang ini. Perdana Menteri dijangka menyampaikan amanat kepada anggota-anggota Jawatankuasa Umno Bahagian Mentakab, termasuk Pemuda dan Wanita, pada pertemuan itu kelak.

Kerusi DUN Sanggang kosong berikutan kematian Anggota Exco Kerajaan Negeri Pahang Datuk Abdullah Kia pada 26 Feb lepas.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) telah mengumumkan 21 Mac sebagai tarikh penamaan calon, manakala hari mengundi ialah pada 1 April.

-- BERNAMA

ROS zb